

Nor Shamsiah Yunus
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Prakata

Kita memulakan tahun 2022 dengan jangkaan bahawa ekonomi global akan pulih seiring dengan berlalunya situasi pandemik yang paling teruk. Namun begitu, kita diingatkan mengenai ketidakpastian yang perlu dihadapi. Peningkatan pesat konflik di Ukraine dan kesan rintangan global yang menyusul merupakan cabaran baharu untuk mengekalkan pemulihan ekonomi. Terutamanya, dengan inflasi kembali menjadi kebimbangan utama bagi penggubal dasar di seluruh dunia, kita menyaksikan negara-negara maju mengetatkan dasar monetari secara agresif, iaitu sesuatu yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Oleh itu, keutamaan Bank pada tahun lalu adalah untuk memastikan keadaan monetari dan kewangan kekal menyokong pemulihan ekonomi Malaysia. Hal ini bermakna pelarasan dasar monetari secara beransur-ansur dan terkawal untuk mengekalkan kestabilan harga, bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Dengan kadar faedah yang telah dikurangkan kepada paras terendah sebagai tindak balas kepada kejutan

ekonomi yang tidak pernah dialami akibat pandemik, adalah penting untuk mengelakkan persekitaran kadar faedah yang terlalu rendah untuk tempoh yang terlalu lama secara berterusan bagi menangani peningkatan dan pembentukan risiko pada masa hadapan. Hal ini terutamanya apabila ekonomi terus berkembang dan tanda-tanda tekanan harga yang didorong oleh permintaan mula kelihatan. Berlatarkan persekitaran ini, Bank kekal fokus dalam tindak balas dasarnya untuk menguruskan risiko yang boleh menjejaskan kekukuhan ekonomi dalam jangka panjang serta kesejahteraan rakyat.

Bank juga terus memastikan sektor kewangan kekal menjadi sumber kekuatan bagi ekonomi Malaysia. Biarpun berdepan dengan persekitaran yang sangat mencabar, sistem perbankan terus didokong oleh tahap permodalan yang kukuh. Penampan modal dan penampan mudah tunai yang teguh telah membolehkan bank-bank meneruskan pemberian pinjaman kepada ekonomi, dan pada masa yang sama, menawarkan bantuan kepada peminjam yang masih menghadapi kesukaran. Penampan ini kekal penting untuk memelihara daya tahan bank-bank serta keyakinan orang ramai serta pelabur, termasuk semasa episod terkini tekanan perbankan yang dialami di sesetengah ekonomi maju. Langkah-langkah dasar luar biasa yang diperkenalkan semasa krisis pandemik juga sebahagian besarnya telah ditamatkan untuk memperkukuh daya tahan bank, tanpa mengganggu aktiviti pengantaraan.

Dalam menghadapi volatiliti pasaran yang semakin meningkat, Bank turut kekal fokus untuk memelihara keadaan pasaran yang teratur dan memastikan pasaran kewangan terus menyerap kejutan dan bukan meningkatkannya. Bagi tujuan ini, Bank telah memastikan tahap mudah tunai yang mencukupi dalam pasaran kewangan serta mengambil langkah untuk mengurangkan volatiliti yang berlebihan yang akan mengganggu aktiviti perdagangan dan pelaburan. Bank juga meneruskan usaha untuk mengukuhkan dan mengembangkan set alat dasar Bank. Langkah ini termasuk bekerjasama dengan komuniti bank pusat serantau dan antarabangsa bagi menambah baik pengaturan mudah tunai rentas sempadan.

Pemulihan ekonomi Malaysia kini kian mantap. Namun demikian, untuk memastikan pertumbuhan yang mampan pada masa hadapan, kita tidak boleh leka dan berpuas hati dengan pencapaian yang diperoleh. Peristiwa yang berlaku di dunia sejak beberapa tahun yang lalu adalah peringatan penting bahawa kita perlu merancang untuk menghadapi kejutan dan bersedia untuk bertindak balas dengan sewajarnya. Bank menjangkakan persekitaran masa hadapan akan terus mencabar terutamanya daripada risiko daripada konflik geopolitik yang semakin meningkat, tekanan harga yang tinggi dan keadaan kewangan yang lebih ketat. Dalam mengharungi semua perkembangan ini, fokus utama Bank adalah untuk memastikan pelarasan, masa dan gabungan dasar yang wajar bagi menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan serta kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan. Tindak balas dasar Bank juga perlu mengambil kira dan seiring dengan dasar negara dan global yang lain.

Pengalaman sepanjang beberapa tahun lepas juga merupakan peringatan tentang betapa pentingnya mengambil peluang untuk melaksanakan pembaharuan yang akan meletakkan ekonomi Malaysia pada kedudukan yang lebih kukuh. Ekonomi Malaysia telah berjaya menempuh banyak keadaan yang sukar pada masa lalu. Sejauh mana kita dapat mengharungi krisis masa hadapan bergantung kepada tindakan yang kita ambil hari ini untuk mengukuhkan daya tahan dan membina semula penampan yang telah digunakan semasa pandemik. Sebagai penasihat ekonomi kepada Kerajaan, Bank akan terus memberikan nasihat mengenai pembaharuan dasar ekonomi penting negara. Selain itu, Bank terus mengekalkan tumpuan yang jitu terhadap langkah-langkah berjangka lebih panjang untuk terus membangunkan sektor kewangan. Dalam laporan ini, Bank menggariskan pencapaian dan perkembangan penting yang menjurus ke arah visi yang ditetapkan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022–2026.

Sejajar dengan Pelan Sektor Kewangan, Bank akan terus membangunkan dan menggalakkan sistem kewangan yang mantap dan progresif ke arah 'kewangan untuk semua', 'kewangan untuk transformasi' dan 'kewangan untuk kelestarian'. Untuk mencapai matlamat ini, Bank telah memulakan usaha untuk melesenkan penanggung insurans dan pengendali takaful digital. Usaha ini disusuli selepas kelulusan bank digital yang baharu, yang sedang bersiap sedia untuk memulakan operasi sebelum pertengahan tahun 2024. Bank juga terus memajukan usaha dalam pelbagai bidang untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang bertanggungjawab dan selamat, termasuk pembayaran rentas sempadan.

Dalam bidang kelestarian, Bank memberikan tumpuan pada pengukuhan daya tahan institusi kewangan untuk menguruskan risiko berkaitan iklim yang selaras dengan mandat yang diberikan. Seiring dengan hal ini, Bank sedang memajukan usaha dengan kerjasama industri kewangan, agensi Kerajaan yang berkaitan dan pelabur institusi menerusi Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3) untuk meningkatkan keupayaan bagi membiayai aktiviti yang mengurangkan atau disesuaikan dengan risiko iklim.

Bank juga terus bekerjasama erat dengan Kerajaan dan pihak berkepentingan lain untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan rakyat. Bank giat menyokong inisiatif Kerajaan untuk memperkukuh pengaturan pengawasan bagi aktiviti kredit pengguna menerusi enakmen Akta Kredit Pengguna. Bank terus mencapai kemajuan dalam merintis dan mempertingkatkan penyelesaian kewangan sosial. Bank juga sedang melaksanakan pembaharuan utama secara berperingkat dalam sektor insurans motor, kebakaran dan perubatan/kesihatan.

Pada masa yang sama, Bank sedang menggandakan usaha untuk memastikan ancaman siber diuruskan dengan baik. Bagi tahun 2022, melalui kerjasama yang erat dengan agensi-agensi Kerajaan dan industri

kewangan, Bank telah meningkatkan usahanya untuk memerangi penipuan kewangan dalam talian. Inisiatif utama adalah untuk mendidik dan mempertingkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai mengenai cara melindungi diri daripada penipuan. Inisiatif ini akan diteruskan pada tahun 2023, dan seperti banyak cabaran dalam era digital, pendekatan keseluruhan negara (whole-of-nation) diperlukan agar usaha ini berjaya.

Pelaksanaan semua usaha ini mewujudkan tuntutan yang besar kepada keupayaan Bank sebagai sebuah organisasi. Oleh itu, Bank komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang memastikan keterlibatan yang tinggi oleh kakitangannya untuk berkembang maju agar mereka boleh memberikan perkhidmatan yang terbaik. Usaha ini termasuk pelaksanaan program jangka panjang untuk menggalakkan dan mengekalkan budaya yang mantap merentasi semua peringkat di Bank. Langkah ini melengkapi usaha berterusan untuk memastikan organisasi Bank sentiasa bersedia untuk menghadapi masa hadapan, mengekalkan tenaga mahir yang sesuai dan mempersiapkan warga Bank untuk menghadapi masa hadapan. Bank juga terus memperuntukkan sumber yang signifikan untuk mentransformasikan infrastruktur IT agar sesuai dengan keperluan Bank serta memudahkan kerjasama dan inovasi.

Rekod prestasi Bank yang kukuh dalam melaksanakan mandatnya jelas membuktikan kemantapan dan dedikasi warga kerja Bank. Oleh yang demikian, bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan, saya ingin mengambil peluang ini untuk menzahirkan penghargaan yang tidak terhingga dan setulusnya kepada semua warga Bank atas usaha gigih, sokongan teguh dan profesionalisme mereka. Warga Bank adalah asbab Bank terus melaksanakan standard prestasi yang tinggi serta menjunjung amanah yang diletakkan oleh orang ramai. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Lembaga Pengarah atas sokongan yang tidak ternilai dan bimbingan yang jitu dalam membantu Bank mengharungi tempoh yang sukar dan mencabar ini.

Tahun 2023 bakal menandakan satu lagi detik perubahan bagi Malaysia tatkala kita membina semula dan mengukuhkan kedudukan negara untuk kemakmuran yang berpanjangan. Seiring dengan terus berlalunya pandemik, amat penting untuk kita terus berusaha melaksanakan pembaharuan yang akan menjamin masa hadapan bersama. Sehubungan dengan itu, Bank akan terus memainkan peranannya, dengan mengekalkan fokus yang jitu terhadap pelaksanaan mandatnya dengan standard profesionalisme dan integriti yang tinggi.



Nor Shamsiah Yunus